

**NO SOALAN : 186**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Sim Chee Keong** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada samsu murah (*cheap liquor*) yang mempunyai kandungan alkohol hingga 35% dan dijual kurang dari RM5 sebotol 250ml mempunyai kesan mudarat kepada kesihatan dan sama ada rancangan untuk haramkan penjualannya.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Samsu murah (*cheap liquor*) adalah juga salah satu jenis minuman beralkohol atau juga dikenali sebagai arak atau minuman keras. Oleh itu, samsu murah adalah sama seperti minuman beralkohol yang lain mengandungi etanol atau alkohol iaitu sejenis dadah psikoaktif jenis penindas (*depressant drug*). Alkohol ini telah dibuktikan oleh kajian-kajian saintifik boleh mendatangkan pelbagai kemudaratan kesihatan, bergantung kepada jumlah pengambilan, kekerapan pengambilan juga peratusan kandungan alkohol dalam minuman beralkohol tersebut. Semakin tinggi peratusan kandungan alkohol, semakin

tinggi risiko seseorang itu kepada kemudaratan alkohol. Pelbagai kemudaratan kesihatan dikaitkan dengan pengambilan minuman beralkohol termasuk samsu murah ini, antara kesan akutnya adalah mabuk, kecederaan, kemalangan dan pergaduhan kerana fikiran yang tidak waras ketika mabuk. Manakala pengambilan yang berterusan pula boleh meningkatkan risiko kegagalan fungsi organ badan seperti sirhosis hati, radang pankreas, barah kerongkong dan barah hati. Disamping itu, peminum juga boleh mengalami kebergantungan atau ketagihan alkohol sekiranya berterusan mengambil minuman beralkohol dalam jumlah yang banyak.

### **Tuan Yang Di Pertua,**

Buat masa ini, belum ada perancangan untuk mengharamkan penjualan samsu murah ini. Namun, bagi melindungi masyarakat dari bahaya samsu murah, kebolehdapatannya dihadkan hanya kepada premis yang telah mendapat lesen penjualan arak dari Lembaga Perlesenan Arak Daerah. Selain itu, Peraturan 361, Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Akta Makanan 1983 ada menetapkan beberapa peraturan penjualan yang memerlukan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan iaitu larangan jualan kepada mereka di bawah 18 tahun, perlabelan peratusan alkohol dan syarat-syarat pembungkusan. Peraturan-peraturan ini sentiasa dikemaskini untuk memperkuuhkan peraturan-peraturan yang sedia ada bagi memastikan kawalan kebolehdapatan minuman beralkohol termasuk samsu murah kepada masyarakat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **BERTULIS**

**DARIPADA :** **TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTAJAM ]**

**SOALAN :**

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada permohonan untuk bangunan tambahan SRJKC Permatang Tinggi Bukit Mertajam yang tertunda lebih lapan tahun sudah diluluskan untuk Rolling Plan ke-4 Rancangan Malaysia Ke-10. Jika ya, bila pelaksanaan pembinaan, jika tidak, mengapa dan bila akan diluluskan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telahpun mengemukakan permohonan pembinaan bangunan tambahan SRJKC Permatang Tinggi Bukit Mertajam dalam *Rolling Plan Ke-4* bagi pelaksanaan tahun 2014 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri namun tidak diluluskan. Justeru, KPM telah mengemukakan semula permohonan peruntukan tersebut ke dalam *Rolling Plan Ke-4* bagi pelaksanaan tahun 2015. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.